

**KAJIAN KEPUASAN PELAJAR SKIM LATIHAN GRADUAN MENGANGGUR
BAGI PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI
PAHANG SKILLS DEVELOPMENT CENTER UNTUK TAHUN 2006**

NAMA : NURZITA BINTI ZULKIPLI

**EKSEKUTIF DIPLOMA
PENGURUSAN PENTADBIRAN (UiTM)**

OGOS, 2007

KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL	66
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
 BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan
1.2	Latar belakang
1.3	Objektif Kajian
1.4	Hipotesis Kajian
1.5	Kepentingan Kajian
1.6	Persoalan Kajian
1.7	Batasan Kajian
 BAB 2	
KAJIAN PERPUSTAKAAN / LITERATUR	
2.1	Latar belakang
2.2	Kemudahan
2.3	Kandungan Kursus
2.4	Penyampaian Pensyarah
2.5	Latihan Industri

BAB 3	METADOLOGI	
3.1	Definisi	
3.1.1	Kelaziman	23
3.1.2	Skim Latihan Graduan	23
3.1.3	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	23
3.2	Tempat Kajian	24
3.3	Responden Kajian	24
3.4	Alat Kajian	24
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	
3.5.1	Data Primer	26
3.5.2	Data Sekunder	27
3.6	Hipotesis Kajian	28
3.7	Analisis dan Interpretasi Data	29
3.8	Kebenaran Untuk Membuat Kajian	29
3.9	Limitasi Kajian	30
BAB 4	HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN	
4.1	Pengumpulan Data	31
4.1.1	Jantina Responden	32
4.1.2	Umur Responden	33
4.1.3	Etnik Responden	34
4.1.4	Tahap Pendidikan	35
4.1.5	Bidang Pendidikan	36
4.1.6	Tempat Kelahiran	37
4.1.7	Pendapatan Keluarga	38
4.2	Hasil Kajian	39

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T dengan rahmat dan hidayah yang di berikan oleh-Nya dapat jua kajian ini di siapkan meskipun terdapat pelbagai halangan.

Dalam proses menyiapkan kajian ini, penulis ingin mengucap jutaan terima kasih kepada Encik Ratha Krishnan, pensyarah untuk kursus ini yang banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar serta toleransi yang baik sepanjang tempoh kajian di jalankan.

Sesungguhnya budibai En Ratha Krishnan di kenang sepanjang hayat.

Kepada keluarga yang sentiasa memberi dorongan dan semangat untuk mencapai cita-cita. Tak lupa juga kepada rakan-rakan yang tidak ketinggalan membantu dan memberi kerjasama yang baik sepanjang menyiapkan kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga jua kepada pensyarah-pensyarah untuk semester terakhir ini yang banyak memberi ilmu dan menunjuk ajar dengan ikhlas dan cemerlang sekali.

Akhir sekali ucapan terima kasih untuk semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perlaksanaan Skim Latihan Graduan bertujuan untuk membantu dan melengkapkan para graduan dengan kemahiran dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang kini mempunyai nilai komersial. Melalui skim ini, para graduan dapat mempertingkatkan lagi kemahiran dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang kini disarankan oleh kerajaan untuk memupuk budaya kerja selamat menjelang 2020.

Latihan dalam bidang ini adalah penting dalam sektor perindustrian, saliran, pembinaan dan pelbagai sektor yang berisiko agar mencapai matlamat kerajaan bagi mengurangkan jumlah kemalangan di tempat kerja. Selain itu, kemahiran ini juga merupakan satu kelebihan yang diperlukan oleh graduan bagi bersaing untuk merebut peluang-peluang pekerjaan yang kini semakin kompetitif.

Usaha sedemikian menunjukkan keprihatinan pihak kerajaan untuk membantu para graduan yang menganggur dalam kelembapan ekonomi yang mana peluang untuk mendapat pekerjaan adalah terhad.

Adalah menjadi matlamat kerajaan Malaysia untuk mencapai status sebagai sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Untuk ini, peningkatan dari teknologi berasaskan proses yang mudah kepada teknologi yang lebih canggih akan memerlukan kepakaran